

PELBAGAI KAEDAH BERCUCUK TANAM



PERTANIAN MENEGAK

Pertanian Menegak (*Vertical Farming*) merupakan kaedah atau sistem perladangan yang dikendalikan secara menegak atau bertingkat. Kaedah ini lazimnya dikendalikan secara sistem hidroponik.



HIDROPONIK

Sistem Hidroponik (*Hydroponics*) merupakan kaedah perladangan tanpa menggunakan tanah dan sebaliknya menggunakan larutan baja (*mineral nutrient*) dan air terus kepada tanaman.



FERTIGASI

Sistem Fertigasi (*Fertigation System*) merupakan kaedah perladangan menggunakan teknologi pengairan atau irigasi yang teliti/jitu, iaitu dikendalikan melalui kombinasi baja dan air yang diberikan kepada tanaman secara titisan air atau semburan pada waktu-waktu yang telah ditetapkan.



SISTEM TERES

Sistem Teres (*Terrace System*) adalah tingkatan-tingkatan berupa anak-anak tangga yang dibuat melintang pada lereng bukit mengikut konturnya. Proses penanam dijalankan di atas teres-teres tersebut.


RANTAIAN TAMBAH NILAI

PENGHASILAN PRIMER

PENGHASILAN SEKUNDER

SEGAR

BERPROSES



PASARAN

PENGEDAR

PEMBORONG
KEDAI RUNCIT,
PASAR RAYA

PASARAN
EKSPOT

ANTARA PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN DI BAWAH AGRIBISNES

PROGRAM AGROTEKNOLOGI

PROGRAM PENDEDAHAN PERUSAHAAN
PERTANIAN – PERLADANGAN BERKONTRAK

SEKOLAH PERLADANGAN PENGUSAHA PADI (RFFS)
- KURSUS BELIA BERPADI

PROJEK PERTANIAN MURAH DAN MUDAH

INDUSTRI AKADEMI PERNIAGAAN

LIVEWIRE *BRUNEI* BUSINESS AWARDS
START-UP FUNDING SCHEME (BASFS)



LOKASI TAPAK-TAPAK PERTANIAN DAN PERIKANAN



KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI AYAM PEDAGING



TANAH TUAH
Brunei Muara
56 hektar



BATUMPU
Brunei Muara
42 hektar



SUNGAI TAJAU
Brunei Muara
4 hektar



BIRALU
Tutong
516 hektar



MERANGKING
Belait
200 hektar



SEMABAT
Temburong
200 hektar



KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI SAYUR & BUAH



SINAUT
54.9 hektar



SI BONGKOK
169 hektar



TUNGKU (ATP)
233.8 hektar



MERANGKING
484 hektar



LUMAPAS
38.9 hektar



TANAH JAMBU
25.3 hektar



BATUMPU
484.9 hektar



BATUNG MITUS
516 hektar



BAKARUT
37 hektar



RAMPAYOH
120.82 hektar



SUNGAI PETAI
50 hektar



SUNGAI LIANG
9.71 hektar



LABU ESTATE
99.9 hektar



BIRALU
516 hektar



KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI FLORIKULTUR



MUMONG
21 hektar



MERANGKING



BATUMPU



TUNGKU (ATP)



KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI AKUAKULTUR

TANJUNG PELUMPONG
212 hektar

LABI
4 hektar

SG. PENYATANG
459 hektar

SUNGAI DUA
36 hektar

MENTIRI
100 hektar

BATU APOI
5.8 hektar

AKSES KEPADA PEMBIAYAAN




PRODUK PEMBIAYAAN

Murabaha adalah bentuk Pembiayaan Aset berdasarkan konsep urusniaga Islam yang mempunyai tempoh tetap dan keuntungan yang telah ditetapkan.

Tawarruq adalah pembiayaan perbelanjaan operasi dan stok. Produk Tawarruq melibatkan tiga pihak atau lebih tujuan untuk mendapatkan wang tunai melalui mekanisme jualan yang melibatkan komoditi.

JUMLAH PEMBIAYAAN

BND1,000 sehingga BND750,000



CARTA PEMBIAYAAN

- Menghubungi lebih dari 700 perusahaan.
- Meluluskan lebih dari BND 2 Juta pembiayaan.



Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan Permulaan *LiveWIRE*

Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan Permulaan ini akan ditawarkan kepada para pemenang Anugerah Perniagaan *LiveWIRE*, iaitu terdiri daripada para peserta dan perniagaan uang baru memulakan Program *LiveWIRE*



"Angel Investment" adalah salah satu cara dimana perusahaan-perusahaan mendapatkan pembiayaan. Berbanding pelaburan yang lain, dimana tujuan pelaburan itu untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi, "Angel Investor" melabur dengan tujuan menolong dan mengembangkan perusahaan itu. Darussalam Enterprise (DARE) ingin menggalakkan "Angel Investment" dan ingin mengembangkan rangkaian "Angel Investor". DARE merancang untuk mendedahkan manfaat dan kebaikan "Angel Investment" dan juga menjalankan program bagi mereka yang berminat untuk melabur.

PIAWAIAN UNTUK MENDAPATKAN AKSES PASARAN

Piawaian untuk memastikan keselamatan makanan

Piawaian



Veterinary Health Mark (VHM) atau Logo Pemeriksaan Veterinar adalah simbol pengiktirafan bagi sistem kawalan keselamatan makanan dan amalan kebersihan yang dilaksanakan oleh loji pemprosesan ternakan dibawah Program Pemeriksaan Veterinar dan Akreditasi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.



Amalan Pertanian Baik Brunei atau Brunei Good Agricultural Practice (BRUNEI GAP) adalah piawaian kebangsaan yang diperakui oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, bagi ladang tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Brunei GAP merujuk kepada teknik atau sistem penanaman yang bersepadu, terutama sekali membuat catitan atau *farm records*, untuk meningkatkan produktiviti ladang bagi menghasilkan komoditi tanaman yang berkualiti dan selamat.



Brunei Good Aquaculture Practices (BGAQp) adalah satu piawaian untuk amalan akuakultur baik semasa pengeluaran, penuaian dan pengendalian ikan.

BGAQp juga merupakan garispandu yang dipersyaratkan di dalam lesen perikanan di gunakan oleh setiap pengusaha ternakan ikan dan ternakan udang di Negara Brunei Darussalam.



Good Manufacturing Practice (GMP) adalah satu sistem yang memastikan kualiti produk yang dihasilkan adalah konsisten dan dikawal mengikut standard kualiti. Ia direka untuk meminimakan risiko yang mungkin terkandung dalam semua aspek pengeluaran.



Hazard Analysis & Critical Control Points (HACCP) adalah pendekatan yang bersistematik bagi mengawal keselamatan makanan yang di praktikkan melalui analisa dan kawalan risiko pencemaran dari aspek biologi, kimia dan fizikal. Sistem HACCP dipraktikkan dari penerimaan bahan mentah sehingga produk akhir selesai diproses.



ISO 22000 adalah standard antarabangsa yang boleh digunakan oleh mana-mana organisasi dalam rangkaian sektor makanan, dari ladang ke meja makan (*farm to fork*). Persijilan *ISO 22000* membolehkan syarikat menunjukkan pelanggan mereka bahawa mereka mempunyai sistem pengurusan keselamatan makanan. Standard ini memberikan keyakinan terhadap kualiti dan keselamatan terhadap produk.

Agensi yang berkaitan

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Pusat Standard Kebangsaan

Elemen Utama

- Sistem perladangan yang sistematik
- 'Farm records' untuk *traceability*

- Sistem pengurusan kualiti dan keselamatan makanan yang lebih sistematik
- Analisis bahaya dan kawalan kritikal
- Sistem pengurusan kualiti
- Manual, prosedur operasi standard dan rekod
- Audit dalaman
- Program latihan keselamatan makanan

Disahkan oleh Badan Persijilan Pihak Ketiga (Berdaftar di bawah Pusat Standard Kebangsaan)

Proses Pematuhan dan Pensijilan Piawaian

Pemahaman mengenai keperluan piawaian

Analisa jurang kepatuhan piawaian

Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan berpandukan kepada keperluan piawaian

Proses audit dan pensijilan

Audit pemantauan dan pembaharuan sijil

PERKHIDMATAN MAKMAL



Bahagian Kimia Makanan
Jabatan Perkhidmatan
Saintifik

Bahagian Kimia Makanan menawarkan pelbagai perkhidmatan dokongan analisis ke atas makanan mentah dan produk makanan yang berproses dari segi penganalisaan aditif makanan, kontaminan, nutrisi, komposisi dan adulteran bagi memastikan kualiti, keselamatan dan status kehalalan makanan tempatan dan yang diimport ke Negara Brunei Darussalam.



Bahagian Mikrobiologi
Jabatan Perkhidmatan
Saintifik

Bahagian Mikrobiologi menawarkan pelbagai perkhidmatan penganalisaan mikrobiologi ke atas contoh makanan, air, ubat-ubatan, kosmetik dan persekitaran. Bahagian ini juga menjalankan pemantauan penyakit *Malaria* bagi pekerja asing, kajiselidik darah besar-besaran (*Mass Blood Survey*) termasuk pemantauan *Microfilariasis* dan pemantauan kuman-kuman berbahaya bagi pengendali-pengendali makanan.



Makmal Musuh Tanaman

Makmal Musuh Tanaman memberikan perkhidmatan nasihat dan kepakaran dalam pengawalan dan pengurusan musuh tanaman (haiwan dan serangga perosak) secara bersepadu dan berkesan.



Makmal Penyakit Tanaman

Makmal Penyakit Tanaman memberikan khidmat dokongan bagi mengenalpasti dan pengawalan penyakit tanaman kepada peladang-peladang di Negara Brunei Darussalam.



Unit Sains Tanah & Nutrien
Tanaman

Unit ini menganalisa sampel tanah, daun dan air secara rutin bagi menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kesuburan tanah dan nutrien tanaman kepada peladang.



Unit Perkhidmatan Makmal
Veterinar

Memberikan perkhidmatan pemeriksaan dan penganalisaan makmal bagi mendokong industri ternakan di Negara Brunei Darussalam melalui program: (i) kesihatan haiwan bagi memudahkan pemantauan, pengawalan dan pembasmian penyakit haiwan, (ii) jaminan mutu dan status keselamatan makanan dengan memantau kebersihan dan kawalan kualiti makanan hasil ternakan, dan (iii) makanan dan pemakanan ternakan bagi mendokong penghasilan kualiti ternakan dan produk ternakan yang baik.



Pusat Perkhidmatan Kesihatan
Haiwan Akuatik

Pusat ini berfungsi sebagai makmal rujukan dalam bidang kesihatan ikan dan menjalankan analisa penyakit haiwan akuatik bagi program pemantauan kesihatan ikan, program keselamatan makanan laut, diagnosis penyakit ikan dan pemantauan kualiti air serta penganalisaan keatas produk import dan eksport untuk memenuhi keperluan negara pengimport dan mendokong industri akuakultur Negara.